

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

**SOALAN : Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan berapakah statistik
jumlah nelayan pesisir pantai di kawasan
Parlimen Parit Buntar dan berapakah jumlah dan
jenis saman yang sering dikeluarkan terhadap
nelayan ini. Adakah Kementerian bercadang
untuk melanjutkan had jarak tangkapan kepada
nelayan terbabit memandangkan jumlah ikan yang
semakin kurang di kawasan pesisir pantai.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Nelayan pesisir pantai berdaftar di kawasan Parlimen Parit Buntar adalah seramai 1,394 orang. Sehingga tahun 2014, sejumlah RM65,800.00 kompaun telah dikutip daripada nelayan-nelayan di kawasan Parit Buntar di atas pelbagai kesalahan yang bertentangan dengan Akta Perikanan 1985, Peraturan Perikanan dibawahnya atau syarat-syarat lesen.

Diantara kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh nelayan dikawasan tersebut adalah seperti berikut :

1. Menggunakan peralatan yang dilarang seperti pukat rawa surong dan pukat tunda 2 bot;
2. Menceroboh kawasan seperti pencerobohan vesel peralatan pukat kenka;
3. Menggunakan vesel atau peralatan tanpa lesen;
4. Tidak mengusahakan vesel sendiri;
5. Gagal mempamerkan lesen asal semasa pemeriksaan; dan
6. Melanggar syarat-syarat lesen yang lain.

Jabatan Perikanan telah mula menguatkuasakan pengezonan baru pada 1 Jun 2014 di Kawasan Pantai Barat Semenjung Malaysia untuk Negeri Perak, Kedah, Selangor dan Pulau Pinang iaitu:

1. Zon konservasi: kawasan pantai sehingga 1 batu nautika;
2. Zon A: kawasan 1 batu hingga 8 batu nautika untuk sampan tradisional dan pukat jerut bilis;
3. Zon B: kawasan 8 hingga 15 batu nautika untuk bot ukat jerut bilis dan bot pukat tunda B tidak melebihi 40GRT;
4. Zon C dan C2: kawasan 15 batu nautika sehingga garisan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) untuk bot pukat jerut dan pukat tunda C melebihi 40-70 GRT ke atas; dan
5. Zon C3: kawasan Lautan Hindi untuk bot pukat jerut dan bot rawai tuna melebihi 70 GRT dan ke atas.

Pengezonan atau perluasan had kawasan ini adalah bagi memastikan para nelayan mendapat hasil yang baik serta memelihara sumber perikanan di kawasan konservasi. Ia bertujuan untuk pembiakan ikan-ikan bagi memastikan sumber perikanan akan berterusan.